

## ezHoliday

### Melindungi anda dalam tempoh percutian

- ✓ Penerimaan dijamin
- ✓ Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan
- ✓ Manfaat-manfaat dibayar terus kepada anda atau keluarga, tiada cukai dikenakan
- ✓ Manfaat dibayar sebagai tambahan kepada lain-lain insurans yang mungkin anda telah miliki
- ✓ Caruman bulanan tidak meningkat mengikut umur
- ✓ Anda boleh mendaftar sekiranya anda berumur 18-60



## Apa yang terkandung di dalam pelan perlindungan percutian ini?

	Manfaat	Basic	Supreme
<b>Asas</b>	Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan	100,000	200,000
	Kematian Akibat Kemalangan	10,000	20,000
	Elaun Bulanan Keluarga untuk Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan	1,000	2,000
	Manfaat Isi Kandungan Rumah	15,000	30,000

Semua jumlah adalah dalam Ringgit Malaysia (RM)

## Apakah jenis konsep Syariah yang digunakan?



### Takaful

Ini adalah suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para peserta takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama. Tujuan dana ini adalah untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa atau pun musibah yang telah dipersetujui.



### Wakalah

Ini adalah satu kontrak perwakilan atau perjanjian agensi di mana peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.



### Tabarru'

Ia adalah caruman daripada peserta kepada Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.



### Hibah

Sekiranya terdapat pengisytiharan lebih daripada Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) pada akhir setiap tahun kewangan, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan peserta berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).



### Ju'alah

Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) pada akhir setiap tahun kewangan.



### Qard

Ini adalah pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA).

## Apakah yang sebenarnya dilindungi oleh pembayaran Manfaat-Manfaat Utama?

### Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan Kekal Akibat Kemalangan

Sehingga **RM200,000 tunai sekaligus** sekiranya mana-mana yang berikut berlaku dalam tempoh 12 bulan dalam tempoh musim percutian yang dilindungi:

- Anda menjadi hilang upaya secara keseluruhan dan kekal dan tidak dapat menjana pendapatan atau bekerja untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan
- Anda kehilangan keseluruhan penglihatan kedua-dua belah mata
- Anda kehilangan dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali
- Anda kehilangan keseluruhan penglihatan pada sebelah mata dan kehilangan satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali

---

### Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Sehingga **RM20,000 tunai sekaligus** sekiranya dalam tempoh 12 bulan sewaktu tempoh musim percutian yang dilindungi:

- Anda meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami akibat kemalangan tersebut

---

### Elaun Bulanan Keluarga untuk Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Keseluruhan Kekal

Sehingga **RM2,000 sebulan untuk 12 bulan** sekiranya dalam tempoh 12 bulan sewaktu tempoh musim percutian yang dilindungi:

- Anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Secara Keseluruhan & Kekal akibat kecederaan yang dialami akibat kemalangan tersebut

---

### Kerosakan terhadap Isi Kandungan Rumah

Sehingga **RM30,000 untuk kehilangan atau kerosakan** ke atas isi kandungan rumah akibat kemalangan, jenayah atau bencana alam sekiranya:

- Kejadian berlaku sewaktu tempoh musim percutian yang dilindungi
- Anda melaporkan kejadian kepada pihak polis dengan segera selepas penemuan tersebut
- Anda menyertakan bukti nilai harta yang hilang atau rosak

## ezHoliday melindungi anda sewaktu tempoh percutian berikut:



Semua Cuti Umum Malaysia Yang  
Diisytiharkan, termasuk 5 hari sebelum  
DAN 5 hari selepas cuti



SEMUA Cuti Sekolah Rendah  
dan Menengah Kerajaan

## Apa perkara-perkara lain yang harus diketahui mengenai ezHoliday?

- Anda layak mendaftar sekiranya berumur 18-60.
- Sekiranya anda mendaftar untuk ezHoliday, anda boleh membuat pembatalan dengan mengemalikan Sijil kepada ezTakaful dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dan sebarang caruman yang telah anda bayar akan dikembalikan. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan selepas 14 hari penerimaan Sijil Takaful, sebarang caruman yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
- Pembaharuan ezHoliday adalah dijamin, selagi caruman dibayar, sehingga umur 70 di mana pelan ini tamat.
- ezHoliday ditamatkan sebaik sahaja Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan Kekal dibayar.
- Zurich General Takaful Malaysia Berhad merupakan pengendali Takaful ezHoliday.

## Apa yang tidak dilindungi di bawah ezHoliday?

ezHoliday mempunyai pengecualian-kecualian yang termasuk aktiviti terlarang, keadaan fizikal, tingkahlaku cuai, keadaan perubatan sedia ada dan beberapa pekerjaan.

**Sila lihat Sijil Induk ezHoliday untuk senarai penuh pengecualian, definisi dan syarat-syarat atau hubungi 1300 82 0010 sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.**

